

# Teliti apa tersirat dalam surat Kuan Yew

YANG tersurat dan tersirat telah jelas dan nyata sekarang ini. Kita di sini masih sibuk dengan ketidakpuasan di hati ekoran penjelasan bertulis Lee Kuan Yew. Pada masyarakat di Singapura terutama pihak medianya, cerita surat Kuan Yew ini begitu kecil pada mereka. Mungkin kerana pada mereka tiada apa yang bersangkutan-paut dengan aktiviti harian mereka. Akhbar Singapura sedang sibuk dengan cerita jerebu.

Kuan Yew yang dikenali dengan panggilan MM (Mentor Minister) oleh pihak media Singapura lebih bersifat ingin menunjukkan kemenangan dan kebenaran apa yang diperkatakan olehnya dalam kemelut orang Cina di Malaysia dan Indonesia dipinggirkan secara sistematik. Seolah-olah beliau telah mehyatakan 'kemenangan' terhadap isu yang timbul.

'Kemenangan' pada beliau jelas dilihat pada empat perkara yang terkandung di dalam surat balas beliau kepada Perdana Menteri:

1. Kuan Yew seperti mengisytiharkan kemenangan negaranya dalam isu jambatan indah dan mendedahkan Malaysia belum bersedia untuk ke Mahkamah Antarabangsa dalam isu tersebut.

2. Beliau mengesahkan dengan nyata hubungan Singapura dan Malaysia amat buruk semasa Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri.

3. Kuan Yew dengan lantangnya menuduh orang Melayu Malaysia terutama UMNO tidak ikhlas di dalam memperjuangkan hak keistimewaan dan kedudukan orang Melayu Singapura.

4. Mengapa perlu ada nota kaki selepas tandatangan beliau? Seolah-olah ada perkara lagi yang tertinggal dan masih belum selesai. Jelas beliau tidak jujur dalam menjawab surat Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan menegaskan beliau akan siarkan surat itu kepada media setelah Perdana Menteri menerimanya.

Surat balasan beliau jelas dan nyata sebenarnya apa yang masih terbuku dan

tersemat di hatinya. Beliau sememangnya terkenal dengan sifat licik dan berbelit-belit dalam memberikan kenyataan.

Yang pasti isi kandungan surat beliau sebenarnya bukannya ditujukan khas kepada Abdullah, tetapi kepada seluruh masyarakat dunia untuk dihebahkan bahawa beliau memang hebat dan tidak mudah dipatahkan kata-katanya.

Beliau ingin semua orang tahu apa sebenarnya kemelut yang sering melanda antara dua negara ini. Apa perlu mengungkitkan kembali isu lama yang kita jangkakan sudah selesai.

Seolah-olah beliau ingin mengajar kita bagaimana untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan negaranya. Sikapnya terserlah apabila menjelaskan jika hendak bekerjasama dengan Singapura boleh, tiada masalah, tetapi apa habuan dan faedah yang Singapura dapat?

Lebih ketara lagi untuk mengklasifikasikan beliau ini sebagai pencetus masalah ialah kenyataan beliau yang seolah-olah

ingin melaga-lagakan corak pentadbiran zaman terdahulu dengan kini. Tentu ada muslihat yang tersendiri apabila beliau mengkritik hubungan tidak erat kerajaannya semasa era Dr. Mahathir dan dalam masa yang sama menyanjung prinsip hubungan diplomatik kerajaan pimpinan Abdullah dengan negaranya.

Apakah beliau ingin mencetuskan pergeseran yang lebih hebat lagi antara Perdana Menteri dan Dr. Mahathir dengan terang-terangan beliau menyokong Abdullah dan kontra kepada Dr. Mahathir? Apakah beliau berperanan utama dalam pergeseran pendapat dua tokoh kita ini?

Sebenar-benarnya isi kandungan surat Kuan Yew kepada Abdullah adalah pada nota kaki di akhir surat tersebut. Itulah hasrat dan niatnya. Tergambar sudah sifatnya dalam pada itu memalukan kita dengan cara berdiplomasi.

**- SHAIFUL BAHRI SAIDIN,  
Sekinchan, Selangor.**